



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Universiti Teknologi Malaysia
81310 Johor Bahru
Johor, Malaysia

Tel: +607-553 3333
Ruj. Kami : UTM.J.08.06/14.15/1(13)
Tarikh : 14 Julai 2021

Dekan

Fakulti Kejuruteraan
Fakulti Sains
Fakulti Alam Bina dan Ukur
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Sekolah Perniagaan Antarabangsa Azman Hashim
UTM Johor Bahru

Malaysia-Japan International Institute Of Technology
Fakulti Teknologi dan Informatik Razak
UTM Kuala Lumpur

YBhg. Prof./Prof. Madya/Dr.,

PELAKSANAAN LATIHAN INDUSTRI PELAJAR INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SEPANJANG TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dengan rujukan JPT(A)1000/001/019/01JLD.24(40) bertarikh 7 Julai 2021 adalah berkaitan.

2 Untuk makluman YBhg. Prof./Prof. Madya/Dr., Kementerian Pengajian Tinggi telah menjelaskan kepada semua Intitusi Pendidikan Tinggi (IPT) berhubung arahan terkini pengoperasian IPT semasa Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN) seperti yang dijelaskan dalam surat JPT(A)1000/001/019/01JLD.24(26) bertarikh 29 Jun 2021 susulan pengumuman pelanjutan Fasa 1 PPN oleh YB Menteri Kanan Pertahanan pada 27 Jun 2021.

3 Sehubungan dengan arahan tersebut, JPT telah menjelaskan bahawa pelaksanaan Latihan Industri (LI) bagi pelajar IPT **sepanjang tempoh Fasa PPN adalah dibenarkan**. Dalam hal ini, sekiranya pelajar perlu hadir secara fizikal, pihak IPT boleh mengeluarkan surat pelepasan untuk membenarkan pelajar menjalani LI dengan menggunakan templat **Surat Pelepasan Pelajar Latihan Industri** seperti di Lampiran 1. Namun sekiranya LI pelajar dijalankan di luar kampus, kelulusan pergerakan pelajar juga adalah tertakluk kepada **surat kebenaran hadir bekerja yang perlu dikeluarkan oleh majikan** masing-masing. Surat pelepasan yang lengkap hendaklah dikemukakan bersama-sama surat JPT(A)1000/001/019/01JLD.24(40) seperti di Lampiran 2 ketika pelajar melalui Sekatan Jalan Raya.


4. Sehubungan itu, mohon kerjasama pihak YBhg. Prof./Prof. Madya/Dr. untuk mengambil maklum berkaitan perkara ini bagi memastikan urusan pergerakan pelajar semasa menjalani LI sepanjang tempoh PPN ini berjalan lancar.

Sekian, kerjasama yang diberikan didahului dengan ucapan jutaan terima kasih. Wassalam.

"Prihatin Rakyat : Darurat Memerangi COVID-19"

"Berkhidmat Untuk Negara Kerana Allah"

Saya yang menjalankan amanah,


PROF. DR. MOHD SHAFRY BIN MOHD RAHIM
Pengerusi
Institut Siswazah Tersedia Kehidupan (UTM iLeaGue)
UTM Johor Bahru

Rujukan Kami :

Tarikh :

KEPADA PIHAK YANG BERKENAAN

Tuan/Puan,

SURAT KEBENARAN PELAJAR HADIR MENJALANI LATIHAN INDUSTRI SEPANJANG TEMPOH FASA PELAN PEMULIHAN NEGARA

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Melalui pelaksanaan pelanjutan **Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)** yang berkuat kuasa sepanjang **Fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN)**, maka dengan ini pihak institusi pendidikan tinggi mengeluarkan **Surat Kebenaran Pelajar Menjalani Latihan Industri** kepada penama berikut bagi tujuan pemeriksaan penguatkuasa PKP.

3. Maklumat penama adalah seperti berikut:

Nama Pelajar :
No. Kad Pengenalan :
No. Kad Pelajar :
Tujuan : Menjalani Latihan Industri
Jenis kenderaan/ No. Pendaftaran kenderaan:
Alamat Pelajar :
Alamat Institusi :
Tarikh pergerakan :

Maklumat berikut perlu diisi sekiranya Latihan Industri dijalankan **di luar kampus**:

Nama Syarikat :
Alamat Syarikat :
Tarikh pergerakan :

4. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, tuan/puan boleh menghubungi pihak institusi pendidikan tinggi seperti di bawah:

Nama Institusi Pendidikan Tinggi :
Nama Pegawai :
No. Telefon Bimbit :

Kerjasama dan keprihatinan daripada pihak tuan/puan amat kami hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

Terima kasih.

.....
(NAMA PEGAWAI IPT YANG BOLEH DIHUBUNGI)